

## BCORP TEROKA BIDANG PERTUMBUHAN BAHARU

Disember 31, 2021 @ 3:25pm



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BCOrp, Jalil Rasheed

KUALA LUMPUR: Berjaya Corporation Bhd (BCorp) menyasarkan untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu di samping kembali melabur dalam produk sedia ada untuk memacu organisasi itu melangkah ke hadapan dengan lebih baik pada 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BCOrp, Jalil Rasheed, berkata aspek yang perlu diberi perhatian adalah untuk meningkatkan nilai jangka panjang terhadap kumpulan.

"Ia sewajarnya munasabah dan bersesuaian dengan perniagaan lebih luas yang kita ada dalam kumpulan ini," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Selain terus memperkemas organisasi berkenaan, beliau berkata BCorp akan bersedia dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa dan menumpukan kepada usaha-usaha transformasi dalaman.

"Berdasarkan pelan strategik tiga tahun, tumpuan saya adalah untuk mengurangkan hutang dan meneruskan jualan bagi menyegerakan pemulihian keuntungan.

"Kami sudah mengenal pasti yang mana keutamaan dan sebaliknya supaya kami lebih jelas untuk menyalurkan lebih banyak sumber di saluran yang sewajarnya, pada masa depan," katanya.

Mengenai tumpuan terhadap pembukaan semula sempadan antarabangsa, Jalil berkata mempermudah sekatan sempadan adalah penting supaya industri boleh membebaskan diri daripada keadaan sedia ada memandangkan negara ini sering bergantung kepada pasaran pelancongan dan domestik yang terlalu kecil.

"Bagaimanapun, melalui program vaksinasi dan dos penggalak yang berjalan lancar, saya optimis bahawa sektor hospitaliti akan menjadi lebih baik pada tahun depan," katanya.

Menurutnya, keadaan adalah memberangsangkan pada dua bulan lalu berikutan peningkatan kadar penghunian di semua hartaan domestiknya dan pihaknya bersedia untuk menyambut kehadiran pelancong domestik serta antarabangsa pada tahun baru.

Beliau berkata, di peringkat dalaman, keutamaan diberikan untuk mewujudkan rangka kerja yang lebih jelas dan melahirkan barisan pekerja yang lebih cemerlang, selain mengoptimumkan organisasi.

"Pada masa ini, kami sedang menilai semula proses dalaman sedia ada dan saya berhasrat untuk mengubah proses yang tidak lagi kami perlukan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata BCorp berwaspada dengan pelbagai risiko yang berpotensi menjelaskan perancangan itu misalnya varian baharu COVID-19, perubahan dasar kerajaan dan negara, selain inflasi dan tingkah laku pengguna yang berkembang.

-BERNAMA